

# Mahkamah Tinggi tolak permohonan PETRONAS tukar kes dengan Shell MDS kepada bicara penuh

**KUCHING:** Keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur menolak permohonan PETRONAS untuk menukar pertikaian dengan Shell MDS (Malaysia) Sdn Bhd berhubung pembayaran gas kepada perbicaraan penuh semalam membuktikan Perintah 17 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 (ROC) adalah proses berasingan dan serba lengkap.

Pejabat Premier Sarawak dalam satu kenyataan akhbar semalam berkata, proses itu bertujuan menangani situasi di mana pihak berkecuali menghadapi tuntutan-tuntutan persaingan, ke atas harta atau bayaran yang sama.

"Mahkamah setuju dengan hujah Sarawak bahawa menukar saman semula kepada tindakan writ akan mengubah perkara itu menjadi tuntutan dipertikaikan sepenuhnya, dengan itu mengalahkan objektif prosiding tuntutan.

"Mahkamah seterusnya memutuskan bahawa percubaan PETRONAS untuk meluaskan pertikaian melangkaui persoalan kelayakan khususnya kepada isu-isu perlembagaan tidak dibenarkan di bawah Perintah 17," kata Pejabat Premier Sarawak.

Tambahnya lagi, skop prosiding tuntutan terhadap semata-matanya untuk menentukan kepada pihak mana Shell MDS harus membuat pembayaran, bukan untuk membuka semula dengan lebih luas dasar atau mempersoalkan perlembagaan.

Mahkamah juga katanya, memerhati bahawa kes ini bukan kes yang menghidupkan keterangan saksi tetapi ia boleh diselesaikan melalui bukti dokumen kerana perkara itu melibatkan hak undang-undang, bukan kontroversi fakta.

# Mahkamah Tinggi tolak permohonan PETRONAS tukar kes dengan Shell MDS kepada bicara penuh

## ► Dari Muka 1

“Mahkamah kini telah menetapkan 10/11/2025 untuk pengurusan kes melalui e-saman,” katanya.

Terdahulu The Edge melaporkan Hakim Mahazan Mat Taib memolak permohonan syarikat minyak negara itu untuk menukar saman pemula antara tuntutan (interpleader originating summons) Shell MDS menjadi writ.

Hal ini kerana menurutnya, pertikaian pembayaran antara PETRONAS dan PETROS adalah berkenaan persoalan undang-undang, bukannya persoalan fakta.

Beliau berkata, dalam kes writ, saksi dipanggil untuk memberi keterangan dan tidak hanya bergantung pada kenyataan bertulis, namun ia tidak perlu dalam kes ini kerana tiada fakta yang dipertikaikan.

“Tiada asas untuk penukaran daripada OS (saman pemula) kepada writ kerana

isunya berkaitan dengan perjanjian penjualan gas (antara Petronas dan Shell MDS, serta PETROS dan Shell MDS) dan instrumen kerajaan lain yang berkaitan,” katanya.

Beliau juga berkata, tiada isu kredibiliti saksi yang timbul kerana ia melibatkan undang-undang persekutuan dan negeri.

Tambahnya, perbicaraan penuh akan melambatkan penyelesaian kes itu.

“Ini tidak mewajarkan penukaran kerana fakta tidak dipertikaikan dan isunya adalah mengenai keterangan undang-undang dan dokumen.

“Mahkamah bersetuju untuk mengekalkan OS antara tuntutan dan tidak menukarnya menjadi perbicaraan adversari,” kata Mahazan.

PETROS dan Kerajaan Sarawak sebelum ini membantah permohonan PETRONAS pada 21 Februari untuk menukar prosiding

kepada perbicaraan penuh, manakala Shell MDS mengambil pendirian neutral.

Mahazan mengarahkan satu tarikh ditetapkan untuk pemfailan dokumen.

PETRONAS diwakili Peguam Khoo Guan Huat dan Azian Aziz, Peguam Persekutuan Muhammad Muhairo Mohamad Noh mewakili Kerajaan Persekutuan, peguam bagi pihak PETROS Foo Joon Liang, manakala JC Fong mewakili Kerajaan Sarawak.

Sementara itu, Christopher Leong dan Janet Chai bertindak bagi pihak Shell MDS.

Pada 22 September 2025, Mahkamah Rayuan mengetepikan injunksi interim diperoleh Shell MDS daripada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang menghalangnya daripada membuat bayaran bulanan untuk gas yang diperoleh daripada PETRONAS, susulan tuntutan invois bersaing daripada PETROS.